

# Faktor-faktor Dominan yang Mempengaruhi Tahap Hafalan al-Quran di Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu Besut

**BITARA**Volume 2, Issue 3, 2019: 034-041  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Major Factors Affecting Quranic Memorisation at Imtiaz Secondary School, Terengganu Foundation Besut]

Mohd Firdaus Ramli & Mohd A' Tarahim Mohd Razali<sup>1</sup>

### Abstrak

Mutakhir ini, perkembangan program menghafaz al-Quran telah menjadi tarikan banyak pihak institusi pengajian. Lebih menarik apabila subjek hafalan al-Quran mula digabungkan dengan subjek akademik dan dilaksanakan di sekolah asrama penuh seperti Sekolah SM Imtiaz YT Besut, MRSM Ulul Albab, Maahad Tahfiz Sains dan sebagainya. Namun begitu timbul persoalan sejauh manakah pelajar-pelajar aliran yang menggabungkan hafazan dan akademik, ini mampu menjaga dan mengingati al-Quran. Selain faktor dorongan untuk mengejar *muqarra* dan pencapaian, penyelidik mendapati di sana wujud faktor-faktor dominan para pelajar ini tidak dapat menjaga dan mengingati hafalan mereka. Kertas kerja ini bertujuan mendedahkan kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam kalangan pelajar terutama pelajar berasrama penuh dan memberi penyelesaian menanganinya. Kajian ini melibatkan gabungan antara metode kualitatif dan kuantitatif. Maklumat dan data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan, pemerhatian ikut serta dan edaran soal selidik. Himpunan maklumat dan data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif, induktif, deduktif bagi mengetengahkan beberapa penyelesaian terpenting demi menjaga mutu hafalan al-Quran (rasanya buang sebab dah ada kat bawah). Hasil kajian ini juga memberi saranan agar semua pihak berwajib sama-sama menitik beratkan isu-isu berkaitan hafalan al-Quran pelajar dan berusaha menanganinya. Dengan mengetahui kelemahan-kelemahan ini secara tidak langsung dapat membaiki kelemahan yang sedia ada malah dapat menjaga mutu dan kualiti pelajar yang menghafaz al-Quran di masa hadapan.

### Kata Kunci

Dominan, Hafalan al-Quran, Pelajar, Asrama Penuh

### Abstract

Lately, several educational institutions have been drawn to the development of the Quranic memorisation programme. It is more interesting in which the subject of Quranic memorization is first incorporated into academic subjects and implemented in full boarding schools such as Imtiaz YT Besut School, Ulul Albab MRSM, Maahad Tahfiz Science and so on. However, the question arises whether students of the Quran memorisation and academics streams are capable of preserving and remembering the Quran. In addition to the inspiration for the pursuit of muqarra and achievement, the researchers found that there were dominant influences that these students were unable to sustain and memorise the Quran. The purpose of this paper is to expose the weaknesses that occur among

<sup>1</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

#### Corresponding Author:

Mohd A' Tarahim Mohd Razali, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.  
E-mail: [atarahim@unisza.edu.my](mailto:atarahim@unisza.edu.my)

students, especially full-time students, and to provide them with solutions. The research requires a mixture of qualitative and quantitative approaches. Information and data were collected through research in the library, observation of participants and distribution of questionnaires. The collection of knowledge and data collected was evaluated descriptive, inductive and deductively to illustrate some of the most important approaches for preserving the standard of Quranic memorization. The findings of this study also indicate that all authorities should recognize and try to resolve issues related to the memorization of the Quranic in students. Recognizing these limitations indirectly strengthens current shortcomings and also maintains the consistency of the students who will memorize the Quran in the future.

**Keywords**

Dominan, al-Quran Memorization, Students, Full Boarding

**Cite This Article:**

Mohd Firdaus Ramli & Mohd A' Tarahim Mohd Razali. 2019. Faktor-faktor dominan yang mempengaruhi tahap hafalan al-Quran di Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu Besut. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 034-041.

## Pengenalan

Sejarah telah mencatatkan pendidikan tahniz al-Quran merupakan pendidikan yang terawal di dalam pendidikan Islam. Rasulullah SAW telah mempunyai dan mengajarkan al-Quran kepada para sahabat berpaksikan kepada kaedah hafazan sebagai kaedah utama (al-Habasah, 1987). Dalam masa yang sama Allah SWT telah mempermudahkan kepada manusia untuk menghafaz al-Quran seperti firman Allah: Bermaksud: Dan demi sesungguhnya, kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)? (Surah al-Qamar 54:17).

Rasulullah SAW mengajar al-Quran itu kepada para sahabatnya juga menerusi hafazan. Proses turunnya al-Quran adalah secara berperingkat-peringkat, sedikit demi sedikit. Tentunya hal ini dapat membantu dan memudahkan Rasulullah SAW untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya. Kebiasaan tidak terburu-buru ini dikekalkan sehingga menjadi salah satu kaedah atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran (Abu Najihat, 2001: 20)

Ismail Awang (1987: 100) juga menerangkan bahawa Rasulullah S.A.W mengajarkan al-Quran kepada sahabat dengan cara ‘*mushafahah*’ iaitu dengan membaca antara dua hingga sepuluh ayat menurut ayat-ayat yang diturunkan. Sebagaimana dalam suatu hadis yang bermaksud: “Adalah Abu Said mengajarkan al-Quran kepada kami lima ayat di waktu pagi dan lima ayat di waktu petang. Dia memberitahu bahawa Jibrail a.s. menurunkan al-Quran lima ayat lima ayat” (Ibn ‘Asakir).

Sebaik sahaja para sahabat menerima pelajaran dari ayat atau surah, maka mereka mengulang-ngulang secara istiqamah sehingga sebatas di dalam dada mereka pada malam harinya. Menurut al-Sabuni (1985: 121) bahawa jika sesiapa berjalan pada waktu malam di Madinah melalui rumah-rumah para sahabat, akan kedengaran dengungan yang kuat seperti bunyi lebah dalam sarangnya. Itulah dengungan sahabat yang sedang membaca al-Quran.

Seterusnya sahabat-sahabat menyampaikan pula kepada keluarga dan sahabat-sahabatnya yang lain.

Oleh kerana itu, kita boleh katakan bahawa Rasulullah SAW adalah orang yang paling mengingati al-Quran. Bagindalah orang yang paling tahu tentang al-Quran sama ada dari sudut makna, *asbab nuzul*, hukum hakam dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan al-Quran.

Justeru, Rasulullah SAW adalah contoh terunggul dalam sejarah menghafaz al-Quran. Baginda bertadarus dengan Jibrail a.s setiap kali datangnya bulan Ramadhan. Amalan tersebut dilakukan secara berterusan dan ia adalah sunnah yang perlu diikuti oleh Muslim. Kesungguhan baginda SAW menghafaz al-Quran perlulah dicontohi dan diteladani (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003: 134)

## Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan SM Imtiaz YT Besut yang diperkenalkan oleh kerajaan Negeri di bawah urus tadbir Yayasan Terengganu merupakan diantara sistem pendidikan yang terbaik di Malaysia. Ini kerana produk keluaran mereka merupakan antara produk yang terbaik dari segi kecemerlangan akademik, ko-kurikulum dan juga dalam bidang hafalan al-Quran. Artikel Utusan Malaysia 15 Mac 2011, sejak 2001 sehingga sekarang Sekolah SM Imtiaz YT Besut mencapai tahap kelulusan 100 peratus dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan muncul sekolah terbaik peringkat negeri dan kebangsaan. Malah ia disenaraikan dalam kelompok Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) pada tahun ini dan beberapa lagi Sekolah SM Imtiaz YT Besut di daerah lain disasarkan akan menyusul kelak dengan tahap pencapaian yang hampir seimbang.

Manakala dari segi kecemerlangan hafazan, keluaran SM Imtiaz YT Besut tidak ketinggalan. Akhbar *Berita Harian* keluaran 11 November 2011 Sabtu menyatakan terdapat pelajar Sekolah Menengah SM Imtiaz YT Besut menghafaz al-Quran 30 juzuk dalam masa 10 bulan. Pada tahun 2013, SM Imtiaz YT Besut telah melakar sejarah apabila memenangi naib johan dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan (artikel wajah-wajah SM Imtiaz YT Besut terbitan pertama).

Namun begitu, di sana wujud lompong-lompong yang mengaitkan dengan masalah pelajar yang hafaz al-Quran tetapi masih tidak dapat mengekalkan ingatan hafazan al-Quran mereka. Ini dapat disaksikan dengan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik sempena peperiksaan syafawi al-Quran yang diadakan. Ada di kalangan pelajar yang tidak dapat menjawab soalan dengan hanya menyambung ayat bacaan al-Quran yang diajukan oleh panel peperiksaan. Situasi ini perlu diselidiki untuk mengetahui punca sebenar ianya berlaku. Mungkin disebabkan faktorkekangan masa para pelajar dengan pembelajaran yang padat menyebabkan mereka tidak mempunyai waktu yang cukup untuk mengulang al-Quran.

Oleh yang demikian, amatlah wajar untuk menyelidik mengkaji pendekatan metode hafazan al-Quran yang telah diterapkan kepada para pelajar SM Imtiaz YT Besut dalam menghafaz al-Quran serta faktor-faktor dominan yang mempengaruhi keberhasilan dalam menghafaz al-Quran dalam kalangan pelajar SM Imtiaz YT Besut. Seterusnya dapat membuktikan bahawa adakah metode hafazan benar berkesan dalam melahirkan para pelajar yang menghafaz al-Quran serta mengingati al-Quran yang di hafaz.

## Pernyataan Masalah

Menurut Dr Khairul Anuar bin Mohamad (2016) sekolah asrama penuh ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan ibubapa sehingga permohonan berlipat kali ganda dengan nisbah jumlah pelajar yang diterima. Satu modul hafazan al-Quran telah diperkenalkan dimana setiap tahun pelajar wajib menghafaz 5-6 juzuk al-Quran dan khatam pada tingkatan 5. Cabaran utama bagi pelajar tahniz di sekolah berasrama penuh ialah masa yang terhad bersama al-Quran dan tumpuan yang banyak juga perlu diberikan kepada subjek akademik lain.

Untuk mengetahui lebih mendalam mengenai permasalahan ini penyelidik telah berdialog bersama dengan guru-guru al-Quran yang telah selesai dengan sesi ujian *shafawi* al-Quran. Kebanyakan daripada pelajar mampu untuk menguasai peringkat hafazan al-Quran dan boleh dikatakan peratus yang *tasmi'* setiap hari dikalangan pelajar SM Imtiaz YT Besut melebihi peratus pelajar yang tidak mampu *tasmi'* iaitu hanya segelintir sahaja. Cuma yang menjadi masalah adalah dari segi faktor *murajaah* ayat hafalan mungkin kerana faktor masa yang terhad untuk kelas *tasmi'* dan waktu pdpc yang padat yang menyebabkan pelajar tidak dapat untuk menyempurnakan ulangan yang dihafaz (Mohd Labib 2016).

Tinjauan dan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik terhadap metode hafazan al-Quran di SM Imtiaz YT Besut mempunyai impak yang berbeza dalam kalangan pelajar mereka. Dari aspek yang pertama, penyelidik cuba meninjau tahap hafazan dalam kalangan mereka dan mendapat terdapat sebilangan pelajar yang sudah banyak menghafaz al-Quran tetapi dari segi ingatan hafazan, mereka mempunyai masalah yang agak kritikal. Ini dapat dibuktikan dengan keberadaan penyelidik ketika sesi peperiksaan *shafawi* pelajar yang berlangsung pada bulan Mei 2016. Terdapat kalangan pelajar yang tidak dapat menjawab soalan yang di soal oleh panel pemeriksa. Untuk mengetahui punca permasalahan ini, penyelidik merasai perlu ada satu kajian yang mendalam bagi mengetahui permasalahan yang sebenar yang membelenggu pelajar-pelajar dalam proses mengingati al-Quran.

Oleh yang demikian, amatlah signifikan bagi penyelidik untuk mengkaji faktor-faktor dominan yang mempengaruhi hafalan al-Quran dalam kalangan pelajar berasrama penuh di SM Imtiaz YT Besut. Melalui kajian yang dilakukan ini, diharap dapat membantu pihak yang berkenaan bagi memperkasakan hafalan al-Quran dalam kalangan para pelajar khususnya pelajar SM Imtiaz YT Besut. Justeru, diharapkan kajian ini mendapat kerjasama daripada semua pihak demi kecemerlangan anak soleh pintar Sekolah SM Imtiaz YT Besut dalam proses ke arah pendidikan al-Quran yang lebih sistematis dan efisien.

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, Objektif kajian ini ialah mengenal pasti faktor-faktor dominan yang mempengaruhi kelemahan hafalan al-Quran dalam kalangan pelajar SM Imtiaz YT Besut.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggabungkan antara kajian kuantitatif dan kajian kualitatif bagi menghasilkan satu kajian yang baik kerana ia menggabungkan kedua ciri-ciri yang terdapat dalam kajian berbentuk

kuantitatif dan kualitatif. Dalam masa yang sama kekuatan dan kelemahan yang terdapat di dalam kedua-dua bentuk kajian tersebut saling akan menampung di antara satu sama lain.

Data kuantitatif diperoleh daripada soal selidik pelajar dan guru yang menggunakan instrumen soal selidik. Penyelidik telah menggunakan kaedah pungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata untuk instrumen soal selidik. Responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari no.1 hingga no.5 berdasarkan keterangan pada nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5).

Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian dan temu bual terhadap guru dan pelajar. Pemerhatian supaya dapat memahami sesuatu fenomena secara mendalam dan terperinci namun instrumen pemerhatian ini terhad kepada kes-kes tertentu atau sampel yang kecil sahaja (Merriam 1998). Selain itu temu bual turut dilakukan terhadap beberapa orang guru dan pelajar bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkenaan Sebagai tambahan penyelidik juga menggunakan kaedah temu bual bersama pelajar dan guru bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian berkaitan pendekatan kaedah menghafaz al-Quran yang diaplikasi di SM Imtiaz YT Besut serta faktor-faktor yang mempengaruhi keberhasilannya.

Nilai *alpha* berdasarkan Koefisien *Cronbach* telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan nilai ketekalan dalam item-item instrumen. Nilai pekali alpha yang menghampiri 1 menunjukkan item-item dalam skala itu mengukur perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi seperti mana dalam jadual 1. Umumnya, ramai penyelidik mencadangkan bahawa nilai *alpha* yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen kajian (Hashim 2010).

Namun menurut Mohd Majid (2005) nilai *Alpha Cronbach* bagi kajian sains sosial ialah 0.6 ke atas. Dalam kajian ini, nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen pelajar ialah 0.705. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa instrumen yang dibina adalah sah dan boleh dipercayai seterusnya boleh digunakan untuk kajian seterusnya.

Jadual 1: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Sangat Tinggi	0.90-1.00
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.00-0.30

## Dapatan Awal Kajian

Wolf (1997) mencadangkan bahawa pemilihan yang baik bagi sesuatu kajian rintis adalah di antara 30 hingga 50 orang. Justeru itu, seramai 30 orang pelajar yang terdiri daripada 15 orang orang lelaki dan 15 orang perempuan terlibat dengan ujian rintis. Pelajar yang terlibat adalah dari kategori rendah, sederhana dan tinggi dari segi hafazan. Berikut adalah jadual pelajar beserta dengan pencapaian hafazan dan tahap hafalan.

Proses penganalisisan data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Min, sisihan piawai dan peratusan digunakan dalam statistik deskriptif yang bertujuan untuk meringkaskan dan memperjelaskan sifat pemboleh ubah yang nyata dengan lebih terperinci.

Dapatkan kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana konstruks yang dominan mempengaruhi hafalan al-Quran para pelajar. Kontruks ini merangkumi lima elemen iaitu dari sudut pengajaran dan pembelajaran di sekolah, aktiviti sekolah, persekitaran sekolah, sikap pelajar dan keluarga. Dapatkan keseluruhan penilaian dari faktor-faktor berikut menunjukkan bahawa min keseluruhan berada pada tahap interpretasi tinggi iaitu

Jadual 2: Kebolehpercayaan Kajian Awal

Faktor	Bilangan Item	Cronbach's Alpha	Indikator
Pdp	4	0.798	Tinggi
Aktiviti	4	0.779	Tinggi
Persekutaran	3	0.788	Tinggi
Sikap	3	0.795	Tinggi
keluarga	3	0.781	Tinggi

## Implikasi Kajian

Kajian yang berkaitan masalah hafalan adalah salah satu kajian yang boleh membantu pelajar yang menghafaz al-Quran untuk ingat al-Quran. Ini kerana ramai yang hafaz al-Quran tetapi sejauh mana seseorang itu ingat hafalan yang dihafaz. Dengan menjalankan kajian ini, penulis dapat fokus permasalahan yang berlaku di kalangan pelajar terutamanya pelajar yang aliran asrama penuh berserta akademik. Pelajar ini dalam masa yang sama membawa bebanan yang banyak yang perlu dipikul.

Walaubagaimanapun terdapat perbezaan terhadap aliran yang hanya memfokuskan kepada hafazan semata-mata. Ini membantu pelajar untuk ingat al-Quran kerana peruntukan masa yang ada untuk al-Quran adalah banyak berbanding dengan aliran tahniz berserta akademik. Masa mereka untuk al-Quran adalah terhad, terpaksa membahagi bersama akademik. Ini memberi lebih cabaran untuk mereka dalam menjaga hafalan al-Quran. Namun begitu ini tidak boleh memberi alasan untuk tidak menjaga hafalan al-Quran. Setiap sistem yang wujud kebiasaan sudah dikaji oleh pakar bijak pandai dalam pelbagai sudut untuk melahirkan pelajar yang berjaya dalam hafalan al-Quran dan juga berjaya dalam akademik.

Dalam menjalankan kajian berkaitan hafalan al-Quran, penulis banyak mendapat pengetahuan mengenai bidang al-Quran. Bermula dengan cara untuk menghafaz al-Quran, *tasmi'* al-Quran dan kaedah hafalan al-Quran. Setiap tahap yang dilalui berlainan cara dan gaya mengikut kepada kesesuaian tempat dan juga pengamatan di sesuatu tempat pengajian tahniz. Dengan pendedahan dari kajian ini, dapat membantu penulis untuk lebih tekun lagi mendidik pelajar-pelajar tahniz dan bersedia untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang ada

sepanjang kajian ini dijalankan demi untuk memartabatkan generasi al-Quran pada masa hadapan.

Kajian mengenai tahap hafalan ini dikalangan pelajar sekolah asrama penuh khususnya di SM Imtiaz YT Besut, penulis dapat membongkar sebab utama pelajar yang bermasalah dengan hafalan al-Quran. Kalau hendak diukur dengan kelayakan, sememangnya mereka ini layak dan mampu untuk menguasai hafazan al-Quran. Pada peringkat hafalan terdapat rintangan yang perlu ditempuhi demi untuk ingat al-Quran. Di sini punca pelajar tidak dapat menjaga hafalan yang dihafaz dengan baik. Dengan proses yang dijalankan oleh penulis, maka penulis dapat mengetahui dengan lebih tepat punca utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat menjaga hafalan dengan baik.

Di sini wujud kesedaran bahawa pentingnya menjaga hafalan al-Quran. Untuk menjaga kemantapan hafalan al-Quran, waktu yang dikhurasukan untuk al-Quran tidak boleh sewenang-wenangnya dicabuli dengan aktiviti dan program yang boleh menjelaskan aktiviti al-Quran para pelajar. Kesannya, pelajar tidak dapat memberi fokus yang sepenuhnya dan jika aktiviti yang mengganggu masa al-Quran berlarutan sehingga dua tiga hari, hafalan yang di hafal oleh pelajar akan terjejas. Perkara ini tersedar setelah kajian soal selidik diedar dan dikumpulkan. Rata-rata pelajar yang berpendapat bahawa jika mengganggu masa untuk al-Quran, maka hafazan dan hafalan akan turut terganggu. Ini memberi impak besar pada pelajar untuk memberi fokus pada ingatan al-Quran.

Pelajar yang hafaz al-Quran dan mengingati al-Quran yang dihafaz dapat memberi semangat kepada mereka untuk terus mengulang al-Quran. Kemanisan bagi mereka yang menghafaz al-Quran adalah ketika membaca al-Quran tanpa tengok kepada mashaf al-Quran tetapi mereka nampak mashaf dalam hati mereka. Dengan itu mereka akan yakin untuk mengimami bacaan al-Quran dalam solat terutamanya solat terawih dalam bulan Ramadhan. Hal ini juga dapat membantu masyarakat dalam sama-sama untuk memeriahkan solat sunat terawih di masjid pada bulan Ramadhan. Dengan alunan bacaan dan kemerduan suara yang dilantunkan ketika membaca al-Quran, dapat menarik masyarakat untuk datang ke masjid. Ini antara perkara penting dalam membantu masyarakat untuk lebih gemar ke masjid.

## Kesimpulan

Kajian mengenai tahap hafalan al-Quran dikalangan pelajar SM Imtiaz YT Besut dapat membantu penulis untuk mengetahui punca utama dikalangan pelajar yang menghafaz al-Quran tetapi tidak dapat menjaga hafalan. Boleh disimpulkan bahawa kekangan utama dalam menjaga hafalan al-Quran adalah dari segi kekangan masa. Masa yang diperuntukkan oleh pihak sekolah adalah pukul 7.00-9.00 malam untuk menghafaz al-Quran. Manakala kelas rasmi bermula dari pukul 6.30 pagi hingga 7.00 pagi kemudian sambung pada pukul 7.30 pagi hingga 9.30 pagi bagi menengah rendah dan 7.30 pagi hingga 8.30 pagi bagi menengah atas. Bebanan tugas yang banyak juga perlu diambil pertimbangan oleh pihak yang berkenaan. Ini memberi tekanan kepada para pelajar, dalam mengejar untuk menyiapkan tugas yang banyak diberi, juga dalam masa yang sama perlu menghafaz al-Quran untuk *tasmi'* pada keesokan hari di samping mengulang untuk hafalan yang lama. Ini memberi bebanan yang berat yang perlu dipikul oleh para pelajar yang bergelar pelajar tahniz al-Quran. Di sini bagi pendapat penulis,

perlu ada sekatan dan had tugasan yang perlu diselesaikan mengikut kepada kesesuaian dan kriteria tertentu. Supaya agenda utama iaitu menghafaz al-Quran dan menjaga hafalan al-Quran tidak terganggu dan subjek lain tidak ketinggalan dari yang lain. Walaubagaimanapun pelajar tidak boleh memberi alasan untuk tidak menjaga semuanya hafalan yang dihafaz. Dengan mengetahui beberapa faktor yang boleh mempengaruhi hafalan al-Quran dikalangan pelajar sekolah, diharap pihak yang berkenaan mempertimbangkan kan faktor tersebut. Ini adalah untuk masa depan pelajar hafaz al-Quran. Hafaz dan ingat al-Quran dan boleh beramal dengan al-Quran. Itulah yang diharapkan kepada semua para pelajar yang menghafaz al-Quran. Semoga dengan usaha yang sedikit ini kepada ahli al-Quran moga-moga mendapat barakah daripada Allah SWT.

## Rujukan

- Abdul Najihat al-Hafiz. 2001. *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qariah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ismail Awang. 1987. *Pengajian dan Tafsir al-Quran*. Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
- al-Sabuni. 1985. *al-Tibyan fi ‘Ulum al-Qur’ān*. Bayrut: Dar al-Kutub.
- Mohd Labib Mohd Anuar. 2016. Guru KBT Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut. Temubual. Jun 2016.
- Mohd Majid. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nunnally, J. C. 1978. *Psychometric theory*. (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.